Headline	PINTAR capai sasaran		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	22 Nov 2015	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	43
ArticleSize	484 cm²	Journalist	HAMIZAH BADIRAN
PR Value	RM 56,982		

PINTAR capai sasaran

Inisiatif sekolah angkat dilaksana TNB bantu murid fokus kecemerlangan pelajaran

Oleh Hamizah Badiran
hamizah@hmetro.com.my

Program PINTAR iaitu inisiatif Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya mencapai matlamatnya dalam membantu sekolah memfokuskan kecemerlangan pembelajaran dan sahsiah murid sekolah terutama anak-anak daripada golongan kurang berkemampuan.

Ikuti luahan murid, ibu bapa dan pihak sekolah yang mencatat kejayaan dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

"Saya tidak melupakan pelajaran kerana ia amat penting untuk masa depan. Saya tahu membahagikan masa di antara pelajaran dan melakukan aktiviti kegemaran pada waktu santai. Saya tidak pernah ketinggalan mengikuti setiap aktiviti dalam Program PINTAR dijalankan pihak sekolah"

Shahrul Nur Hazwani Shahrul Nizam, SK Lahar Yooi, Pulau Pinang

"Aktiviti yang dijalankan pihak sekolah menerusi Program PINTAR membantu saya dan abang, Mohd Alif Najmin, lebih fokus terhadap pelajaran. Program ini banyak memberikan faedah kepada kami kerana ia bukan saja menitik beratkan kejayaan dalam akademik, malah sahsiah sebagai individu yang baik"

Muhammad Alif Najman Mohd Adli, SK Tualang Tinggi, Kelantan

"Saya amat gembira kerana seramai 14 murid mendapat 5A dalam UPSR pada kali ini berbanding hanya 10 tahun lalu. Hasil usaha guru dan ibu bapa serta sumbangan TNB menerusi Program PINTAR, murid kami berjaya membuktikan anak luar bandar juga boleh mencapai keputusan yang cemerlang dalam pelajaran"

Rosini Ahmad, Guru Besar SK Lahar Yooi, Pulau Pinang

"Dengan Program PINTAR TNB ini, sekolah dapat melaksanakan pelbagai aktiviti seperti kelas tambahan, membeli peralatan bantuan belajar, kem motivasi dan sebagainya khas buat pelajar Tahun Enam "Hasilnya, SK Tualang Tinggi mempunyai peratus pencapaian 5A tertinggi di kawasan Pasir Putih"

Saupi Mat Zain, Guru Besar SK Tualang Tinggi, Kelantan

"Program PINTAR menjadi penyumbang kecemerlangan murid tahun enam sekolah SK Tualang Tinggi kerana dengan sumbangan TNB, pihak sekolah dapat menjalankan program yang bermanfaat. Guru dan ibu-bapa juga sering mengamalkan semangat kekitaan yang kuat untuk melihat anak-anak berjaya"

Rohani Jusoh, Ibu Muhammad Alif Najman

"Ibu bapa harus bekerjasama dengan pihak sekolah bagi memastikan kecemerlangan akademik dan sahsiah anak-anak. Melalui program PINTAR TNB ini, saya dapat lihat banyak kemajuan dalam perkembangan diri murid-murid dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada TNB kerana menganjurkan program seperti ini"

Shahrul Nizam Mohd Zaki, Bapa Shahrul Nur Hazwani

Powered by: iSENTIA